

## ABSTRAK

Kajian ini meninjau bagaimana pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya menggunakan sumber elektronik yang disediakan oleh pihak universiti kepada mereka. Bagi tujuan tersebut, seramai 101 orang pelajar dari pelbagai jabatan, meliputi pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan telah menjawab soal selidik yang disediakan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik. Penemuan mendapati, seramai 50.5% pelajar paling kerap menggunakan Internet, diikuti dengan 23.2% penggunaan OPAC, 13.4% jurnal elektronik, 8.8% pangkalan data elektronik dan 3.6% CD-ROM ketika mencari maklumat. Data tersebut juga menunjukkan, seramai 57.4% responden mengatakan Internet adalah sumber yang paling tepat menyediakan maklumat kepada mereka. Tujuan mereka menggunakan sumber elektronik adalah untuk menyiapkan tugas, mendapatkan bahan untuk presentation, menyiapkan disertasi menambah pengetahuan dan lain-lain lagi. Kebanyakan responden yang diselidiki mempelajari menggunakan sumber elektronik daripada kawan-kawan, mencuba dan mengalami kesilapan, belajar sendiri, melalui kursus yang ditawarkan di universiti dan sebagainya. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ketika menggunakan sumber elektronik. Antara masalah tersebut ialah bahan tidak disediakan dalam teks penuh, masa pencarian yang lama, susah atau lambat dihubungkan, *server down*, masalah bahasa dan lain-lain. Beberapa cadangan telah diutarakan oleh pengkaji bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti melalui kajian ini. Ini termasuklah cadangan untuk mewajibkan pelajar mengikuti kelas kemahiran maklumat, memantau pengetahuan pelajar, menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik, menyediakan latihan yang secukupnya, mengatasi masalah yang sering dialami oleh pelajar dan memperbanyakkan program kemahiran maklumat.

## ABSTRACT

This research examines how students at the Faculty of Education, University of Malaya use the electronic resources that have been provided by the university for their use. For this purpose, a questionnaire was completed by 101 students from various departments, including students from the undergraduate and postgraduate levels. In conducting the project, the researcher chose to use the survey method which used a questionnaire. The findings indicate that 50.5% students frequently used the Internet, followed by 23.2% using the OPAC, 13.4% using electronic journals, 8.8% using electronic databases and 3.6% using CD-ROMs. The findings also show that 57.4% respondents claims that Internet is the most reliable resource in providing information to them. The purposes of the students using the electronic resources are completing their assignments, reference in preparing for their presentations, completing their dissertation, expanding knowledge and for other reasons. Most respondents claimed that they learned to use the electronic resources from their colleagues, trial and error, own initiatives and through courses that offered by the university. There were a problems faced by the students while using the electronic resources. Among the problems were difficulties to get the full text of the references, slow searching, technical problems, server down and language problems. A few suggestions are presented to overcome the problems. These include a proposal to make compulsory for the students to attend courses on information skills, providing intensive training, solving the problems which always faced by the students and diversifying courses on information skills.